

13 DEC 2001

Agong-Sumpah

AGONG BARU, TIMBALAN LAFAZ SUMPAH JAWATAN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini melafazkan sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam upacara penuh istiadat di Istana Negara di sini.

Turut melafazkan sumpah memegang jawatan ialah Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin, sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua pelantikan adalah bagi tempoh lima tahun bermula hari ini.

Majlis Raja-Raja Melayu pada mesyuaratnya ke-191 (khas) semalam telah bersetuju memilih Tuanku Syed Sirajuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 bagi menggantikan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor yang mangkat pada 21 Nov lepas.

Mesyuarat itu juga bersetuju memilih semula Sultan Mizan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Upacara di Balairong Seri hari ini bermula dengan perisytiharaan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah, untuk memulakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang Ke-192 (khas) bagi istiadat melafaz sumpah jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyembahkan surat sumpah jawatan kepada Tuanku Syed Sirajuddin dan baginda melafazkan warkah sumpah jawatan itu sebelum menandatangani.

Setelah baginda menandatangani, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyerahkan surat sumpah jawatan itu kepada Sultan Pahang dan Sultan Perak untuk ditandatangani sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyembahkan pula surat sumpah jawatan kepada Sultan Mizan yang kemudiannya melafazkan sumpah jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebelum menandatangani.

Sultan Pahang dan Sultan Perak juga menandatangani surat sumpah jawatan itu sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-192 (Khas) ditangguhkan ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Setelah selesai, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadap dan menyembahkan surat perisytiharan memegang jawatan untuk ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Dr Mahathir kemudian membaca perisytiharan bahawa Tuanku Syed Sirajuddin telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 manakala Sultan Mizan Zainal Abidin pula telah mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Upacara penuh istiadat itu yang disiarkan secara langsung oleh RTM diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Mohd Hashim Yahya.

Kesemua sembilan Raja Melayu serta empat Yang Dipertua Negeri hadir pada upacara itu.

Ia turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, menteri-menteri kabinet, anggota-anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara, pegawai tinggi kerajaan serta anggota kerabat diraja.

Setelah selesai upacara itu Dr Mahathir mengetuai upacara menghadap diikuti menteri-menteri kabinet serta orang kenamaan.

-- BERNAMA  
AKT AZZ NMO